




اُنِيْوَرْسِيْٓتِيْ تِكْنُوْلُوْجِيْ مَآرَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



LAPORAN DWITAHUNAN

Januari - Jun **2023**







@Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), UiTM 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, elektronik atau mekanikal termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang sistem penyimpanan dan perolehan maklumat, tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA).

All Rights Reserved. No part of this publication can be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval systems, without permission in writing from Institute of Quality and Knowledge Advancement (InQKA).

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

Aras 5, Blok A,
Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA,

40450 Shah Alam,

Selangor

Laman Web: inqka.uitm.edu.my

Emel: inqka@uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

ISSN: 2710 – 6802

Penasihat : Profesor Dr. Azizah Abdullah

Editor : 1) Prof. Madya Dr. Kamarularifin Abd Jalil
2) Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Husna Zainol Abidin
3) Ts. Linda Abd Hamid
4) Dr. Shatina Saad

Sekretariat : 1) Puan Nur Alisa Che Yahya
2) Puan Norakmar Syatila Zakaria

Pembaca Prof : ChM. Dr. Shahrul Nizam Ahmad

Konsep Susun Atur Buku : Puan Noor Sazila Md Sarip

Reka Bentuk Kulit : Cik Nur Syamimi Eryzahany Abu Mansor

Muka Surat : 36 Muka Surat

Dicetak di Malaysia oleh : Pusat Percetakan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor





ISI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.0	Maklumat Umum Unit	
1.1	Pengenalan	7
1.2	Carta Organisasi Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA)	8
2.0	Aktiviti yang dijalankan sepanjang bulan Januari hingga Jun 2023	
2.1	Lawatan Audit Akreditasi Program (LAAP)	9
2.2	Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP)	12
2.3	Hari Mesra Pelanggan MQA	16
2.4	Perbincangan Unit AQA bersama Fakulti/Kampus/Kolej Pengajian	16
3.0	Proses Penilaian Baharu	
3.1	Penilaian Pindah Premis	17
3.2	Penilaian 2u2i	19
3.3	Audit Pematuhan	19
4.0	Program yang telah mendapat pengesahan Senat	21
5.0	Penghantaran dan Penyenaiaan Program di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) dan Portal Swaakreditasi (PSA)	
5.1	Penghantaran Program ke MQA	24
5.2	Penghantaran Program Badan Profesional ke MQA	25
5.3	Penyenaiaan Program <i>Deemed Accredited</i>	26
5.4	Penyenaiaan Program Baharu	26
6.0	Penerimaan Sijil Akreditasi Program	29
7.0	Penganjuran Webinar	31
8.0	Latihan yang dihadiri oleh Kakitangan Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA) bermula bulan Januari hingga Jun 2023	33
9.0	Penutup	33



1.0 MAKLUMAT UMUM UNIT

1.1 PENGENALAN

Universiti Teknologi MARA telah dianugerahkan status swaakreditasi pada 2 Januari 2017. Selari dengan penganugerahan swaakreditasi tersebut, Unit Jaminan Kualiti Dalam (IQA) di bawah Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah ditubuhkan pada bulan Februari 2017 yang bertanggungjawab menguruskan penilaian program akademik. Bermula Januari 2023, unit ini telah dikenali sebagai Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA) selaras dengan penstrukturan semula InQKA. Dapatan penilaian akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) dan dibawa ke Mesyuarat Senat Universiti untuk pengesahan dan kelulusan, seterusnya dihantar ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk tujuan penyenaaraian di paparan Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).

Jadual 1 memaparkan ringkasan penerimaan dokumen bagi tempoh Januari 2023 sehingga Jun 2023. Sebanyak **79** permohonan merangkumi permohonan Akreditasi Sementara (Program Baharu), Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi), Akreditasi Penuh (Program Baharu), Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi), Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan, Audit Pematuhan, Penilaian Pindah Premis dan Program Badan Profesional telah diterima oleh Unit AQA.

Jadual 1 : Ringkasan Penerimaan Dokumen bagi Tempoh Januari hingga Jun 2023

JENIS PENILAIAN	JANUARI - JUN 2023
Akreditasi Sementara (Program Baharu)	2
Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	9
Akreditasi Penuh (Program Baharu)	1
Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	15
Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan	3
Audit Pematuhan	8
Penilaian Pindah Premis	21
Program Badan Profesional	20
Jumlah	79

1.2 CARTA ORGANISASI UNIT JAMINAN KUALITI AKADEMIK (AQA)


Unit AQA, InQKA dianggotai oleh enam (6) orang kakitangan melaporkan kepada Penolong Naib Canselor (PNC) InQKA. Majlis Eksekutif Universiti Bil. 01/2023 bertarikh 11 Januari 2023 telah meluluskan penstrukturan semula nomenklatur jawatan pentadbir akademik dan beberapa perubahan nama di carta organisasi seperti di Jadual 1.2.

Bermula 15 April 2023, Dr. Shatina Saad telah dilantik sebagai Ketua Pematuhan Kualiti Akademik, InQKA.

Jadual 1.2: Perubahan Carta Organisasi

Bil	Nama Lama	Nama Baharu	Justifikasi
1.	Unit Jaminan Kualiti Dalam	Unit Jaminan Kualiti Akademik	Menguruskan hal-ehwal berkaitan dengan akreditasi program akademik universiti seperti permohonan akreditasi sementara, akreditasi penuh, semakan kurikulum melebihi 30% perubahan, permohonan tambah lokasi, audit pematuhan, penyenaraian di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) dan Badan Profesional.
2.	Pengarah Unit Jaminan Kualiti Dalam	Pengarah Unit Jaminan Kualiti Akademik	Berubah mengikut penjenamaan nama unit

Carta Organisasi Unit AQA, InQKA



2.0 AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIJALANKAN BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA JUN 2023

Bahagian 2.0 melaporkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh AQA merangkumi Lawatan Audit Akreditasi Program, Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) serta penghantaran dokumen untuk permohonan penyenaaran di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) dan Portal Swaakreditasi (PSA).

2.1 LAWATAN AUDIT AKREDITASI PROGRAM (LAAP)


Sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2023, sebanyak 2 lawatan audit akreditasi secara fizikal dan 14 lawatan audit akreditasi secara dalam talian telah dijalankan. Perincian 16 lawatan audit akreditasi program yang telah dijalankan diperincikan di dalam Jadual 2(a).

Jadual 2 (a): Program yang telah dijalankan Lawatan Audit Akreditasi Program

Bil	Nama Program	Lokasi Program	Tarikh Lawatan	Panel Penilai	Jenis Lawatan
1	Diploma Pengurusan Pelancongan	UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan	16 Mac 2023	Dr. Roslizawati Che Aziz (UMK)	Pindah Premis
2.	Diploma Pengurusan Halal	UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan	24 Mac 2023	Dr. Suhaili Sarif (UM)	Pindah Premis
3.	Diploma Pengajian Perniagaan	UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka	30 Mac 2023	Dr. Azira Hanani Ab Rahman (UMK)	Pindah Premis
4.	Diploma Pengajian Perbankan	UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka	30 Mac 2023	Prof. Madya Dr. Azira Abdul Adzis (UUM)	Pindah Premis
5.	Doktor Falsafah (Pendidikan)	UiTM Shah Alam	17 April 2023	Professor Dr. Gurnam Kaur Sidhu (SEGI University)	Pindah Premis
6.	Sarjana (Pendidikan)	UiTM Shah Alam	17 April 2023	Dr. Che Aleha binti Ladin (UM)	Pindah Premis
7.	Sarjana Pendidikan (Pendidikan Seni Visual)	UiTM Shah Alam	17 April 2023	Dr. Che Aleha binti Ladin (UM)	Pindah Premis
8.	Sarjana Pendidikan Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan	UiTM Shah Alam	17 April 2023	Dr. Noryati Alias (SEGI University)	Pindah Premis
9.	Sarjana Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua	UiTM Shah Alam	17 April 2023	Professor Dr. Gurnam Kaur Sidhu (SEGI University)	Pindah Premis
10.	Sarjana Muda Animasi (Kepujian) Produksi Animasi 2D	Industri terlibat	8,9,10,17 Mei 2023	Norzaful Anuwar Ahmad Najamuddin (UCSI)	Penilaian 2u2i
11.	Sarjana Muda Animasi (Kepujian) Produksi Animasi 3D	Industri terlibat	8,9,10,17 Mei 2023	Norzaful Anuwar Ahmad Najamuddin (UCSI)	Penilaian 2u2i
12.	Sarjana Muda Pemasaran Digital (Kepujian)	UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat	23 - 24 Mei 2023	1. Dr. Noor Hazarina binti Hashim (UTM) 2. Dr. Mazilah binti Abdullah (UTM)	Akreditasi Penuh dan 2u2i

Bil	Nama Program	Lokasi Program	Tarikh Lawatan	Panel Penilai	Jenis Lawatan
13.	Sarjana Sains (Alam Bina)	UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	7 - 8 Jun 2023	1. Prof. Madya Sr. Dr. Norhayati Mahyuddin (UM) 2. Puan Sharifah Norashikin Bohari (UiTM)	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)
14.	Sarjana Pentadbiran Perniagaan Doktor Pentadbiran Perniagaan	1. UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar 2. UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu 3. UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan	8 - 9 Jun 2023	1. Prof. Madya Dr. Lennora Putit (UiTM) 2. Prof. Madya Dr. Bahtiar Mohamad (UUM)	Akreditasi Penuh
15.	Sarjana Pentadbiran Perniagaan	1. UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani 2. UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh	14 - 15 Jun 2023	1. Dr. Nor Intan Adha Hafit (UiTM) 2. Dr. Mad Ithnin Salleh (UPSI)	Akreditasi Penuh
16.	Sarjana Pentadbiran Perniagaan	1. UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun 2. UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang 3. UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka	20 21 Jun 2023	1. Dr. Yuslina Liza Mohd Yusof (UiTM) 2. Dr. Ahmad Zainal Abidin Abd Razak (UPSI)	Akreditasi Penuh

Gambar Lawatan Audit Akreditasi Program Secara Fizikal dan Dalam Talian



2.2 MESYUARAT JAWATANKUASA PERAKUAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM (JKPPP)

Keahlian Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP)

Pengerusi : Penolong Naib Canselor (InQKA)
 Timbalan : Pengarah Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA)
 Ahli : Ketua Akreditasi Program Sains & Teknologi, InQKA
 Ketua Akreditasi Program Sains Sosial dan Kemanusiaan, InQKA
 Ketua Pematuhan Kualiti Akademik, InQKA
 Pengarah Pembangunan Akademik, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)
 Ketua Panel Penilai
 Pakar Bidang Program
 Setiausaha : Ketua Pentadbiran InQKA
 Sekretariat : Pejabat Pentadbiran InQKA

Bidang kuasa utama Mesyuarat JKPPP adalah untuk mengesyorkan tahap pengiktirafan program untuk diperakukan oleh Mesyuarat Senat Universiti. Seorang Profesor yang arif dalam program tersebut akan dilantik sebagai pakar bidang untuk menghadiri Mesyuarat JKPPP bagi mengimbangi keputusan pengesyoran perakuan akreditasi program. Sementara Ketua Panel Penilai akan membentangkan laporan penilaian program dan ahli mesyuarat akan turut sama meneliti maklum balas dan dokumen tambahan yang dibawa oleh pihak Fakulti/Kampus/Kolej Pengajian, seterusnya mengesyorkan perakuan akreditasi dan dibawa ke Mesyuarat Senat.

Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) secara dalam talian telah dijalankan sebanyak enam (6) kali bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2023. Sebanyak 44 program telah dibentangkan melibatkan 3 permohonan akreditasi sementara, 8 permohonan akreditasi penuh, 7 permohonan semakan kurikulum melebihi 30% perubahan, 11 permohonan penilaian pindah premis dan 15 permohonan audit pematuhan.

Jadual 2(b): Senarai Program yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) Januari sehingga Jun 2023


	Nama Program	Lokasi Penawaran	Jenis Akreditasi
MESYUARAT JKPPP KE-61 BIL 1/2023 (16 JANUARI 2023)	Sarjana Sains (Pengurusan Maklumat)	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Fizik	1. UiTM Shah Alam 2. UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau 3. UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Fizik Industri	UiTM Shah Alam	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia dengan Pengurusan	1. UiTM Shah Alam 2. UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau 3. UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka 4. UiTM Cawangan Sarawak Kampus Kota Samarahan 2 5. UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan

	Nama Program	Lokasi Penawaran	Jenis Akreditasi
MESYUARAT JKPPP KE-62 BIL 2/2023 (13 FEBRUARI 2023)	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Biologi	1) UiTM Shah Alam 2) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah 3) UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka 4) UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau 5) UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
MESYUARAT JKPPP KE-63 BIL 3/2023 (21 MAC 2023)	Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian)	UiTM Shah Alam	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
	Sarjana Muda Pendidikan Seni Muzik (Kepujian)	UiTM Shah Alam	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
	Diploma Pengurusan Pelancongan	UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan	Penilaian Pindah Premis
MESYUARAT JKPPP KE-64 BIL 4/2023 (5 APRIL 2023)	Diploma Pengurusan Halal	UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan	Penilaian Pindah Premis
	Diploma Pengajian Perniagaan	UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka	Penilaian Pindah Premis
	Diploma Pengajian Perbankan	UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka	Penilaian Pindah Premis
MESYUARAT JKPPP KE-65 BIL 5/2023 (16 MEI 2023)	Sarjana Sains Biologi	UiTM Shah Alam	Audit Pematuhan
	Sarjana Sains (Biologi Gunaan)		
	Sarjana Sains (Sains dan Teknologi Makanan)		
	Sarjana Sains (Biologi Molekul)		
	Sarjana Sains (Sains dan Teknologi Perkayuan)		
	Sarjana Sains (Teknologi Biosumber)		
	Sarjana Sains (Kimia)		
	Sarjana Sains (Kimia Gunaan)		
	Sarjana Sains (Sains dan Teknologi Persekitaran)		
	Sarjana Sains (Fizik)		
	Sarjana Sains (Fizik Gunaan)		
	Sarjana Sains (Sains dan Teknologi Polimer)		
	Sarjana Sains (Sains dan Teknologi Bahan)		
	Sarjana Sains (Sains dan Teknologi Tekstil)		
	Doktor Falsafah (Sains)		



	Nama Program	Lokasi Penawaran	Jenis Akreditasi
MESYUARAT JKPP KE-65 BIL 5/2023 (16 MEI 2023)	Sarjana (Pendidikan)	UiTM Shah Alam	Penilaian Pindah Premis
	Sarjana Pendidikan (Pendidikan Seni Visual)		
	Sarjana Pendidikan Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan		
	Sarjana Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua		
	Doktor Falsafah (Pendidikan)		
MESYUARAT JKPP KE-66 BIL 6/2023 (22 JUN 2023)	Diploma Pengajian Perniagaan	UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka	Penilaian Pindah Premis
	Diploma Pengajian Perniagaan	UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah	
	Sarjana Muda Pemasaran Digital (Kepujian)	UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat	Akreditasi Penuh (Program Baharu)
	Sarjana Sains (Perakaunan)	UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)
	Doktor Falsafah (Perakaunan)		
	Doktor Falsafah Pengajian Islam Kontemporari		
MESYUARAT JKPP KE-66 BIL 6/2023 (22 JUN 2023) (samb...)	Sarjana Pentadbiran Perniagaan	UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)
	Doktor Pentadbiran Perniagaan		
	Sarjana Pentadbiran Perniagaan	UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu	
	Doktor Pentadbiran Perniagaan		
	Sarjana Pentadbiran Perniagaan	UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan	
	Doktor Pentadbiran Perniagaan		
	Sarjana Sains (Alam Bina)	UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	

Gambar Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program



2.3 HARI MESRA PELANGGAN MQA


Unit AQA telah menghantar dua (2) orang wakil ke Hari Mesra Pelanggan MQA di ibu pejabat MQA di Cyberjaya. Antara isu yang dibangkitkan adalah:

- Program Diploma Kejuruteraan, Universiti Teknologi MARA telah diluluskan oleh badan profesional yang berkenaan tetapi belum disenaraikan di dalam MQR untuk tahun 2018;
- Keperluan penghantaran laporan audit pematuhan program bagi program-program yang telah melalui audit pematuhank;
- Pelupusan program kod deemed di dalam MQR

2.4 Perbincangan AQA bersama Fakulti/Kampus/Kolej Pengajian

Sesi Perbincangan ini telah dijalankan secara berperingkat dari bulan Mac hingga Jun 2023 secara bersemuka dan dalam talian. Aktiviti ini diadakan bertujuan untuk untuk menyemak maklumat bagi semua program yang ditawarkan oleh Fakulti/Kampus/Kolej Pengajian di semua lokasi penawaran dengan maklumat program yang telah tersenarai di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).

Gambar Perbincangan bersama Fakulti/ Kampus/ Kolej Pengajian



3.0 PROSES PENILAIAN BAHARU

3.1 Penilaian Pindah Premis

Penilaian Pindah Premis dilaksanakan bagi program akademik yang telah berpindah lokasi penawaran dari satu lokasi premis asal ke lokasi premis baharu. Apabila permohonan penilaian pindah premis berlaku, ini bermakna, tiada lagi penawaran program akademik di lokasi asal atau lokasi yang lama kepada pelajar. Pihak Fakulti/Kampus/Kolej Pengajian yang memohon pindah premis perlu mengisi borang permohonan pindah premis berserta dokumen sokongan yang diperlukan kepada Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK) UiTM bagi tujuan saringan dan pengrekodan sebelum dokumen tersebut diserahkan kepada Unit AQA InQKA untuk penilaian.


Penilaian pindah premis ini akan dilaksanakan oleh seorang panel penilai luar dalam bidang. Panel penilai yang dilantik akan terlebih dahulu menyemak dokumen dan borang permohonan yang telah diisi sebagai persediaan sebelum ke lawatan tapak kelak. Semakan ke atas dokumen penilaian pindah premis meliputi semakan maklumat program, semakan maklumat pemindahan program, semakan jumlah staf akademik yang akan berpindah di premis baharu, semakan senarai nama staf dan jadual mengajar, semakan jumlah staf akademik sedia ada di premis baharu, semakan ke atas surat peruntukan Universiti untuk program Fakulti/Kampus/Kolej Pengajian dan semakan dokumen permohonan bajet untuk program ini.

Penilaian pindah premis juga memerlukan lawatan tapak ke lokasi premis baharu ini. Lawatan tapak ini meliputi penilaian ke atas fasiliti dan sumber pendidikan yang menyokong prose pembelajaran dan pengajaran program yang dinilai. Antara fasiliti yang dilawati adalah bilik kuliah, makmal, kemudahan ICT, perpustakaan, bilik kebal, kemudahan dimana terdapat peralatan khusus yang diperlukan program.

Antara perkara yang disemak oleh panel ke atas fasiliti yang dilawati adalah kesesuaian, kecukupan dan kepatuhan fasiliti kepada undang-undang pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa yang berkaitan.

Penilaian oleh panel penilai permohonan pindah premis akan dilaporkan dan dibentangkan di mesyuarat JKPPP dan disahkan di Mesyuarat Senat sebelum ianya di bawa ke pihak MQA untuk pemakluman perpindahan lokasi premis. Rajah 3.1 menunjukkan perincian proses penilaian pindah premis.

Rajah 3.1: Carta Alir Penilaian Pindah Premis





3.2 Penilaian 2u2i

Penilaian 2u2i adalah penilaian terhadap program akademik dengan mod pengajian yang menggabungkan pembelajaran akademik dengan mengaplikasikan pembelajaran sebenar di tempat kerja serta meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*).

2u1i adalah di bawah konsep penjenamaan 2u2i. Huruf 'u' di dalam 2u2i merujuk kepada universiti yang mana terma ini digunakan bagi mewakili semua IPT yang merangkumi universiti, kolej, politeknik dan kolej komuniti. Manakala huruf 'i' pula merujuk kepada industri di mana pembelajaran berlaku di dalam dunia pekerjaan sebenar. Pembelajaran di dalam dan di luar kampus boleh dilaksanakan dalam pelbagai kombinasi tempoh tahun yang diperuntukkan bagi pembelajaran di IPT seperti 3+1 (3u1i), 2+2 (2u2i), 2+1 (2u1i), dan 1½+1 (1½u1i).

Program akademik dengan mod pengajian 2u2i yang memohon perakuan akreditasi dari pihak MQA perlu memastikan Penilaian Akreditasi COPPA (Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh) dilaksanakan bersama dengan Penilaian Aspek Mod Industri (2u2i).

Penilaian Aspek Mod Industri (2u2i) memerlukan penilaian yang dilaksanakan oleh Ahli Panel Panel (APP) dalam bidang. APP yang dilantik perlu menilai dokumen permohonan akreditasi COPPA dan juga dokumen Penilaian Kendiri Aspek Mod Industri (2u2i) program akademik tersebut berserta bukti yang dilampirkan. Program akademik perlu memastikan Memorandum of Understanding (MoU) yang dimeterai bersama pihak industri adalah lengkap menyatakan program yang akan terlibat dengan kandungan pematuhan keperluan 2u2i perlu merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, 2017.

Panel penilai yang dilantik perlu juga melaksanakan lawatan tapak ke industri yang menempatkan pelajar dengan mod 2u2i serta turut mengadakan sesi temubual bersama pelajar kohort pertama sebelum pengajian mereka tamat. Penilaian oleh panel penilai kemudiannya dilaporkan di dalam dua (2) jenis laporan iaitu Laporan Penilaian Akreditasi Penuh atau Akreditasi Sementara dan juga Laporan Aspek Mod Industri (2u2i) (Lampiran A: untuk Kegunaan Ahli Panel Penilai). Kedua – dua laporan ini akan dihantar ke pihak MQA untuk tujuan penyenggaraan usai dibentangkan di Mesyuarat JKPPP dan disahkan di Mesyuarat Senat UiTM.

3.3 Audit Pematuhan

Penilaian Audit Pematuhan merujuk kepada proses akreditasi semula program pengajian yang telah diberikan pengiktirafan akreditasi penuh oleh pihak MQA. Mana-mana program pengajian yang telah mendapat perakuan akreditasi penuh dan disenaraikan di MQR dikehendaki menjalankan proses penilaian pematuhan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun atau mana-mana tempoh lain yang dipersetujui oleh pengurusan bagi program tersebut. Ia dilaksanakan untuk mengekalkan Perakuan Akreditasi Penuh program dan memastikan jaminan kualiti program dipertingkatkan melalui aktiviti penilaian. Antara perkara yang akan disemak sewaktu sesi penilaian ini merangkumi kepatuhan program terhadap keperluan MQA, COPPA, sistem kredit dan juga pematuhan kepada syarat khusus yang telah diberikan oleh pihak MQA berdasarkan keputusan perakuan akreditasi penuh program yang lepas.


Pihak bertanggungjawab (PTJ) ke atas program yang dinilai perlu mengisi borang permohonan Audit Pematuhan (AQA-04/MQA-04), laporan penilaian sendiri beserta dokumen sokongan yang diperlukan kepada Unit AQA InQKA untuk proses penilaian.

Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program ini akan dilaksanakan oleh seorang APP luar yang mempunyai kelayakan dalam bidang berkaitan program yang dinilai. APP yang dilantik perlu menilai dokumen Pematuhan Akreditasi Penuh Program dan laporan Penilaian Kendiri program akademik tersebut beserta bukti yang dilampirkan. APP yang dilantik juga perlu melaksanakan lawatan tapak serta sesi temubual bersama staf, pelajar dan alumni.

Semakan dokumen Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh program ini meliputi semakan maklumat program dan status pematuhan syarat-syarat khusus Akreditasi Penuh program yang meliputi tujuh bidang utama iaitu: 1) Pembangunan dan penyampaian program; 2) Penilaian pembelajaran pelajar; 3) Pemilihan dan khidmat sokongan pelajar; 4) Staf akademik; 5) Sumber pendidikan; 6) Pengurusan program; serta, 7) Pemantauan, semakan program dan penambahbaikan kualiti berterusan.

Penilaian oleh APP akan dilaporkan dan dibentangkan di Mesyuarat JKPPP dan disahkan di Mesyuarat Senat UiTM sebelum ianya di bawa ke pihak MQA untuk pemakluman Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program telah dilaksanakan dan pengekelan penyenggaraan akreditasi program. Rajah 3.2 menunjukkan perincian proses penilaian audit pematuhan.

Rajah 3.2: Carta Alir Audit Pematuhan



4.0 PROGRAM YANG TELAH MENDAPAT PENGESAHAN SENAT

Sebanyak 36 program telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Senat bagi tempoh Januari sehingga Jun 2023 seperti ditunjukkan di Jadual 4.

Jadual 4: Senarai Program yang telah mendapat pengesahan di dalam Mesyuarat Senat UiTM

Nama Program (BM)	Nama Program (BI)	Lokasi	Jenis Penilaian
MESYUARAT SENAT KE-290 (10 JANUARI 2023)			
Sarjana Psikologi Klinikal	<i>Master of Clinical Psychology</i>	UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh	Akreditasi Sementara (Baharu)
Sarjana Sains Pengurusan Industri Sukan	<i>Master of Science in Sports Industry Management</i>	UiTM Shah Alam	Akreditasi Sementara (Baharu)
Diploma Pendidikan	<i>Diploma in Education</i>	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
Sarjana Muda Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan (Kepujian)	<i>Bachelor of Customer Service Management (Hons.)</i>	UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)
MESYUARAT SENAT KE-291 (7 FEBRUARI 2023)			
Diploma Farmasi	<i>Diploma in Pharmacy</i>	UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
Sarjana Sains (Pengurusan Maklumat)	<i>Master of Science (Information Management)</i>	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
Sarjana Muda Sains (Kepujian) Fizik	<i>Bachelor of Science (Honours) Physics</i>	1. UiTM Shah Alam 2. UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau 3. UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
Sarjana Muda Sains (Kepujian) Fizik Industri	<i>Bachelor of Science (Hons) Industrial Physics</i>	UiTM Shah Alam	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia dengan Pengurusan	<i>Bachelor of Science (Hons) Chemistry with Management</i>	1. UiTM Shah Alam 2. UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau 3. UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka 4. UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 5. UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan

Nama Program (BM)	Nama Program (BI)	Lokasi	Jenis Penilaian
MESYUARAT SENAT KE-292 (7 MAC 2023)			
Sarjana Muda Sains (Kepujian) Biologi	<i>Bachelor of Science (Honours) Biology</i>	1. UiTM Shah Alam 2. UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah 3. UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka 4. UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau 5. UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
MESYUARAT SENAT KE-293 (4 APRIL 2023)			
Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian)	<i>Bachelor of Building Surveying (Hons)</i>	1. UiTM Shah Alam 2. UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
Sarjana Muda Pendidikan Seni Muzik (Kepujian)	<i>Bachelor of Music Education (Hons)</i>	UiTM Shah Alam	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan
Diploma Pengurusan Pelancongan	<i>Diploma in Tourism Management</i>	UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan	Penilaian Pindah Premis
MESYUARAT SENAT KE-294 (3 MEI 2023)			
Diploma Pengurusan Halal	<i>Diploma in Halal Management</i>	UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan	Penilaian Pindah Premis
Diploma Pengajian Perniagaan	<i>Diploma in Business Studies</i>	UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka	Penilaian Pindah Premis
Diploma Pengajian Perbankan	<i>Diploma in Banking Studies</i>	Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Jengka	Penilaian Pindah Premis
MESYUARAT SENAT KE-295 (6 JUN 2023)			
Sarjana Sains (Biologi)	<i>Master of Science</i>	UiTM Shah Alam	Audit Pematuhan
Sarjana Sains (Biologi Gunaan)	<i>Master of Science (Applied Biology)</i>		
Sarjana Sains (Sains dan Teknologi Makanan)	<i>Master of Science (Food Science and Technology)</i>		
Sarjana Sains (Biologi Molekul)	<i>Master of Science (Molecular Biology)</i>		
Sarjana Sains (Sains dan Teknologi Perkayuan)	<i>Master of Science (Wood Science and Technology)</i>		
Sarjana Sains (Teknologi Bio-sumber)	<i>Master of Science (Bioresources Technology)</i>		
Sarjana Sains (Kimia)	<i>Master of Science (Chemistry)</i>		
Sarjana Sains (Kimia Gunaan)	<i>Master of Science (Applied Chemistry)</i>		



Nama Program (BM)	Nama Program (BI)	Lokasi	Jenis Penilaian
MESYUARAT SENAT KE-295 (6 JUN 2023)			
Sarjana Sains (Sains dan Teknologi Persekitaran)	<i>Master of Science (Environmental Science and Technology)</i>	UiTM Shah Alam	Audit Pematuhan
Sarjana Sains (Fizik)	<i>Master of Science (Physics)</i>		
Sarjana Sains (Fizik Gunaan)	<i>Master of Science (Applied Physics)</i>		
Sarjana Sains (Sains dan Teknologi Polimer)	<i>Master of Science (Polymer Science and Technology)</i>		
Sarjana Sains (Sains dan Teknologi Bahan)	<i>Master of Science (Material Science and Technology)</i>		
Sarjana Sains (Sains dan Teknologi Tekstil)	<i>Master of Science (Textile Science and Technology)</i>		
Doktor Falsafah (Sains)	<i>Doctor of Philosophy (Science)</i>		

5.0 PENGHANTARAN DAN PENYENARAIAAN PROGRAM DI DAFTAR KELAYAKAN MALAYSIA (MQR) DAN PORTAL SWAAKREDITASI

5.1 PENGHANTARAN PROGRAM KE MQA

Sebanyak 17 Program Baharu telah dihantar ke MQA untuk penyenaraian bagi tempoh Januari hingga Jun 2023 seperti ditunjukkan di Jadual 5.1.

Jadual 5.1: Senarai Program Baharu yang telah dihantar ke MQA Bagi Tempoh Januari hingga Jun 2023

Bil.	Nama Program	Lokasi Penawaran	Jenis Penilaian	Tarikh Penghantaran
1.	Doktor Pentadbiran Perniagaan	UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	5 Januari 2023
2.	Sarjana Muda Senibina Landskap (Kepujian)	UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	5 Januari 2023
3.	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	Akreditasi Sementara (Program Baharu)	5 Januari 2023
4.	Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian)	UiTM Shah Alam	Akreditasi Sementara (Program Baharu)	2 Februari 2023
5.	Diploma Sains Komputer	UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
6.	Sarjana Kewangan	UiTM Shah Alam	Akreditasi Sementara (Program Baharu)	2 Februari 2023
7.	Doktor Falsafah (Pengurusan Maklumat)	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
8.	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains dan Teknologi Makanan	UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
9.	Sarjana Muda Seni Reka Permainan Kreatif (Kepujian)	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	Akreditasi Penuh	2 Februari 2023
10.	Sarjana Sains (Pengurusan Maklumat)	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
11.	Sarjana Sains Pengurusan Maklumat	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
12.	Sarjana Sains Pengurusan Pengetahuan	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
13.	Sarjana Sains Pengurusan Rekod dan Dokumen	UiTM Shah Alam	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
14.	Sarjana Sains Pengurusan Sistem Maklumat	UiTM Shah Alam	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
15.	Sarjana Sains Perpustakaan	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
16.	Sarjana Sains Pengurusan Industri Sukan	UiTM Shah Alam	Akreditasi Sementara (Program Baharu)	2 Mac 2023
17.	Sarjana Muda Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan (Kepujian)	UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Mac 2023

5.2 PENGHANTARAN PROGRAM BADAN PROFESIONAL KE MQA

Selain daripada Program Baharu, Unit AQA juga menerima program Badan Profesional untuk dihantar ke MQA bagi tujuan penilaian oleh Badan Profesional yang berkaitan. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2023, Unit AQA telah menghantar 9 dokumen program Badan Profesional ke MQA bagi penilaian oleh Badan Profesional yang berkenaan. Jadual 5.2 menunjukkan ringkasan senarai program Badan Profesional yang telah dihantar ke MQA sepanjang bulan Januari hingga Jun 2023.

Jadual 5.2: Senarai Program Badan Profesional yang telah dihantar ke MQA Bagi Tempoh Januari hingga Jun 2023

Bil.	Nama Program	Badan Profesional	Lokasi Penawaran	Jenis Penilaian	Tarikh Penghantaran
1.	Diploma Ukur Bangunan	MBOT	UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	Akreditasi Penuh	2 Mac 2023
2.	Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian)	MBOT	UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2	Akreditasi Sementara	2 Mac 2023
3.	Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan	Majlis Perubatan Malaysia	UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh	Akreditasi Penuh	2 Mac 2023
4.	Diploma Kejuruteraan Awam	Lembaga Jurutera Malaysia	UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2	Akreditasi Penuh	4 April 2023
5.	Diploma Kejuruteraan Awam	Lembaga Jurutera Malaysia	UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang	Akreditasi Penuh	4 April 2023
6.	Diploma Kejuruteraan Awam	Lembaga Jurutera Malaysia	UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh	Akreditasi Penuh	4 April 2023
7.	Diploma Kejuruteraan Awam	Lembaga Jurutera Malaysia	UiTM Cawangan Pahang Kampus Jenaka	Akreditasi Penuh	4 April 2023
8.	Sarjana Muda Sains Ukur dan Geomatik (Kepujian)	Lembaga Juruukur Tanah Malaysia	UiTM Shah Alam	Akreditasi Penuh	10 Mei 2023
9.	Sarjana Muda Pembedahan Pergigian	Majlis Pergigian Malaysia	UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh	Akreditasi Penuh	10 Mei 2023

5.3 PENYENARAIAAN PROGRAM DEEMED ACCREDITED

Sehingga Jun 2023, terdapat dua (2) lagi lokasi program deemed yang telah dihantar tetapi belum tersenarai di MQR. Jadual 5.3 memaparkan perincian bagi program deemed yang belum tersenarai sehingga Jun 2023.

Jadual 5.3: Senarai Program Deemed yang belum tersenarai di dalam MQR sehingga Jun 2023

Bil	Nama Program	Lokasi Penawaran	Tarikh Terima Dokumen
1.	Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian) (Pengurusan Sistem Maklumat) / Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Sistem Maklumat (Kepujian)/ Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat (IM221/225/245)	UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang	27 Oktober 2022
2.	Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) (Perhubungan Awam)/Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) Perhubungan Awam (MC222/242)	UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah	12 Mei 2022

5.4 PENYENARAIAAN PROGRAM BAHARU

Permohonan penyenaraian Program Baharu yang telah dibawa ke MQA dari 2018 sehingga Jun 2023 adalah sebanyak 150 lokasi program. Permohonan penyenaraian Program Baharu ini melibatkan 55 permohonan akreditasi sementara dan 95 permohonan akreditasi penuh. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2023, terdapat 14 pertambahan penyenaraian baharu di MQR dan PSA melibatkan sembilan (9) lokasi permohonan akreditasi sementara dan lima (5) lokasi permohonan akreditasi penuh. 14 program yang baru tersenarai di MQR dan PSA diperincikan di dalam Jadual 5.4(a). Terdapat 29 lagi lokasi Program Baharu yang telah dihantar namun belum tersenarai di dalam MQR dan PSA. Lokasi Program Baharu yang belum tersenarai melibatkan permohonan 12 lokasi program akreditasi sementara dan 17 lokasi program akreditasi penuh. Jadual 5.4(b) memaparkan perincian bagi Program Baharu yang belum tersenarai sehingga Jun 2023.

Jadual 5.4(a): Senarai Program Baharu yang telah tersenarai di dalam MQR dan PSA bagi bulan Januari hingga Jun 2023

Bil.	Nama Program	Lokasi Penawaran	Jenis Penilaian	Nombor Rujukan
1.	Sijil Pascasiswazah Sains Data	UiTM Shah Alam	Akreditasi Sementara	MQA/PSA15810
2.	Diploma Pendidikan Islam	UiTM Shah Alam	Akreditasi Sementara	MQA/PSA15437
3.	Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Inggeris Komunikasi Profesional	UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	MQA/PSA16176
4.	Sarjana Muda Pengurusan Sistem Pejabat	UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	MQA/PSA16177
5.	Sarjana Perakaunan	UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	MQA/PSA16285



Bil.	Nama Program	Lokasi Penawaran	Jenis Penilaian	Nombor Rujukan
6.	ACCA Foundation in Accountancy	UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	MQA/PSA16297
7.	Sarjana Eksekutif Sains Pentadbiran	UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	MQA/PSA16300
8.	Diploma Muamalat	UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	MQA/PSA16433
9.	Sarjana Muda Sistem Maklumat (Kepujian) Kejuruteraan Sistem Pintar	UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	MQA/PSA16434
10.	Sarjana Sains Tekstil	UiTM Shah Alam	Akreditasi Penuh	MQA/SWA04047
11.	Sarjana Sains Keselamatan Siber dan Forensik Digital	UiTM Shah Alam	Akreditasi Penuh	MQA/SWA13773
12.	Diploma Muamalat	UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	MQA/SWA16131
13.	Sarjana Sains Pengurusan Rekod dan Dokumen	UiTM Shah Alam	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	MQA/SWA16780
14.	Sarjana Sains Pengurusan Sistem Maklumat	UiTM Shah Alam	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	MQA/SWA16779

Jadual 5.4(b): Senarai Program Baharu yang belum tersenarai di dalam MQR dan PSA sehingga Jun 2023

Bil.	Nama Program	Lokasi Penawaran	Jenis Akreditasi	Tarikh Penghantaran
1.	ACCA Foundation in Accountancy	UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	27 September 2022
2.	Sarjana Muda Muamalat (Kepujian)	UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	27 September 2022
3.	Doktor Pentadbiran Perniagaan	UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	27 September 2022
4.	Doktor Pentadbiran Perniagaan	UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	29 September 2022
5.	Sarjana Muda Muamalat (Kepujian)	UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	29 September 2022
6.	Doktor Pentadbiran Perniagaan	UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	5 Januari 2023
7.	Sarjana Muda Senibina Landskap (Kepujian)	UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	5 Januari 2023
8.	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	Akreditasi Sementara (Program Baharu)	5 Januari 2023
9.	Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian)	UiTM Shah Alam	Akreditasi Sementara (Program Baharu)	2 Februari 2023



Bil.	Nama Program	Lokasi Penawaran	Jenis Akreditasi	Tarikh Penghantaran
10.	Diploma Sains Komputer	UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu	Akreditasi Sementara (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
11.	Sarjana Kewangan	UiTM Shah Alam	Akreditasi Sementara (Program Baharu)	2 Februari 2023
12.	Sarjana Sains Pengurusan Industri Sukan	UiTM Shah Alam	Akreditasi Sementara (Program Baharu)	2 Mac 2023
13.	Diploma Filem	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh	28 September 2020
14.	Diploma Teater	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh	28 September 2020
15.	Diploma Pengurusan Seni	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh	28 September 2020
16.	Sarjana Muda Filem (Kepujian) Sinematografi	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh	2 September 2021
17.	Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu (Kepujian)	UiTM Shah Alam	Akreditasi Penuh	6 Januari 2022
18.	Sarjana Muda Animasi (Kepujian) Produksi Animasi 2D	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh	4 Ogos 2022
19.	Sarjana Muda Animasi (Kepujian) Produksi Animasi 3D	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh	4 Ogos 2022
20.	Sarjana Muda Filem (Kepujian) Pengarahan Filem	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh	4 Ogos 2022
21.	Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian)	UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	27 Oktober 2022
22.	Doktor Falsafah (Pengurusan Maklumat)	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
23.	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains dan Teknologi Makanan	UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
24.	Sarjana Muda Seni Reka Permainan Kreatif (Kepujian)	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	Akreditasi Penuh	2 Februari 2023
25.	Sarjana Sains (Pengurusan Maklumat)	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
26.	Sarjana Sains Pengurusan Maklumat	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
27.	Sarjana Sains Pengurusan Pengetahuan	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
28.	Sarjana Sains Perpustakaan	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Februari 2023
29.	Sarjana Muda Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan (Kepujian)	UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun	Akreditasi Penuh (Tambah Lokasi)	2 Mac 2023

6.0 PENERIMAAN SIJIL AKREDITASI PROGRAM

Sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2023, Unit AQA telah menerima 24 sijil akreditasi yang terdiri daripada Program Deemed Accredited, Program Baharu dan Program Badan Profesional. Senarai penuh nama program yang menerima sijil bagi bulan Januari hingga Jun 2023 dipaparkan di Jadual 6.

Jadual 6: Senarai Program yang Menerima Sijil bagi bulan Januari hingga Jun 2023

Bil.	Nama Program	Lokasi	No. Rujukan	Tarikh Akreditasi	No.Siri	Tarikh Terima Sijil	Jenis Sijil
1.	Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) Rangkaian Komputer	UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau	MQA/SWA 12613	10/12/2017	25554	3/2/2023	Penggantian Sijil Akreditasi
2.	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Mekanikal	UiTM Shah Alam	MQA/FA11529	01/01/2018	25596	13/2/2023	Penggantian Sijil Akreditasi
3.	Sarjana Muda Sains Matematik Pemodelan dan Analitik (Kepujian) [Dahulu dikenali sebagai Sarjana Muda Sains (Kepujian) Matematik Pengkomputeran]	UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu	MQA/SWA 13415	06/03/2018	25597	13/2/2023	Penggantian Sijil Akreditasi
4.	Diploma Teknologi Higien Industri [Dahulu dikenali sebagai Diploma Teknologi Industri Higien dan Keselamatan]	UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi	MQA/SWA 1941	13/08/2020	25594	13/2/2023	Penggantian Sijil Akreditasi
5.	Sarjana Muda Sains Teknologi Hortikultur (Kepujian) [Dahulu dikenali sebagai Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Kepujian) Teknologi Hortikultur]	UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau	MQA/SWA 2392	4/12/2019	25593	13/2/2023	Penggantian Sijil Akreditasi
6.	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia dengan Pengurusan [Dahulu dikenali sebagai Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia]	UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau	MQA/SWA 12623	09/03/2018	25591	13/2/2023	Penggantian Sijil Akreditasi



Bil.	Nama Program	Lokasi	No. Rujukan	Tarikh Akreditasi	No.Siri	Tarikh Terima Sijil	Jenis Sijil
7.	Diploma Teknologi Bangunan [Dahulu dikenali sebagai Diploma Bangunan]	UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	MQA/SWA 12723	14/02/2018	25590	13/2/2023	Penggantian Sijil Akreditasi
8.	Diploma Teknologi Rekabentuk Dalam [Dahulu dikenali sebagai Diploma Rekabentuk Dalam]	UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	MQA/SWA 12690	17/04/2018	25587	13/2/2023	Penggantian Sijil Akreditasi
9.	Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) Rangkaian Komputer [Dahulu dikenali sebagai Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) Komunikasi Data dan Perangkaian]	UiTM Shah Alam	MQA/SWA 12614	10/12/2017	25603	13/2/2023	Penggantian Sijil Akreditasi
10.	Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah (Kepujian)	UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	MQA/FA13018	01/08/2022 hingga 31/07/2027	25305	28/3/2023	Program Profesional
11.	Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah (Kepujian)	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	MQA/FA13458	01/08/2022 hingga 31/07/2027	25803	28/3/2023	Program Profesional
12.	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	MQA/SWA16129	12/6/2018	25691	28/3/2023	Program Deemed
13.	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat	UiTM Shah Alam	MQA/SWA15801	12/06/2018	25690	28/3/2023	Program Deemed
14.	Sarjana Sains Keselamatan Siber dan Forensik Digital	UiTM Shah Alam	MQA/SWA13773	05/04/2022	25689	28/3/2023	Program Baharu
15.	Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) Rangkaian Komputer [Dahulu dikenali sebagai Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) Komunikasi Data dan Perangkaian]	UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin	MQA/SWA16234	07/06/2022	25688	28/3/2023	Program Deemed
16.	Sarjana Sains Tekstil	UiTM Shah Alam	MQA/SWA04047	16/11/2021	25687	28/3/2023	Program Baharu

Bil.	Nama Program	Lokasi	No. Rujukan	Tarikh Akreditasi	No.Siri	Tarikh Terima Sijil	Jenis Sijil
17.	Sarjana Sains Pengurusan Rekod dan Dokumen	UiTM Shah Alam	MQA/ SWA16780	10/10/2022	25561	28/3/2023	Program Baharu
18.	Sarjana Sains Pengurusan Sistem Maklumat	UiTM Shah Alam	MQA/ SWA16779	10/10/2022	25567	28/3/2023	Program Baharu
19.	Dokyt Falsafah (Perubatan)	UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh	MQA/ SWA13294	05/03/2019	26176	15/5/2023	Penggantian Sijil Akreditasi
20.	Diploma Pengajian Perbankan	UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah 2	MQA/ SWA16130	05/04/2018	26808	3 Julai 2023	Program Deemed
21.	Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif (Kepujian) Pengurusan Seni	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	MQA/ SWA02129	28/06/2020	26810	3 Julai 2023	Program Baharu
22.	Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif (Kepujian) Produksi Filem	UiTMA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	MQA/ SWA02130	01/10/2020	26813	3 Julai 2023	Program Baharu
23.	Sarjana Muda Teater (Kepujian) Produksi Teater	UiTMCawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	MQA/ SWA02127	11/03/2020	26805	3 Julai 2023	Program Baharu
24.	Sarjana Muda Teater (Kepujian) Sinografi	UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana	MQA/ SWA02128	11/03/2020	26814	3 Julai 2023	Program Baharu

7.0 PENGANJURAN WEBINAR

Unit AQA, InQKA telah menganjurkan empat (4) sesi Webinar Pembangunan, Pengiktirafan, Pengurusan dan Pemantauan Program Akademik yang dijalankan secara dalam talian dan diperincikan di dalam Jadual 7.

Tujuan webinar ini adalah untuk memberi memberi pemahaman mengenai pembangunan, pengiktirafan, pengurusan dan pemantauan program akademik kepada semua warga di UiTM dan garis panduan yang berkaitan dengan akreditasi program akademik.

Webinar Pembangunan, Pengiktirafan, Pengurusan dan Pemantauan Program Akademik juga diadakan adalah sebagai persediaan bagi menghadapi Audit Pematuhan Status Swaakreditasi yang akan berlangsung di UiTM Cawangan Terengganu pada 29 Mei 2023, UiTM Cawangan Sarawak pada 17 Julai 2023 dan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana pada 24 Julai 2023.

Jadual 7: Webinar Pembangunan, Pengiktirafan, Pengurusan dan Pemantauan Program Akademik

Bil.	Tajuk Webinar	Penceramah Jemputan	Tarikh
1	Programme Development & Accreditation	1. Prof. Dr. Azizah Abdullah – Penolong Naib Canselor (InQKA) 2. Prof. Ts. Dr. Wardah Tahir – Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Kurikulum (UHEK)	12 April 2023
2	Programme Delivery	1. Prof. Madya Ts. Dr. Syamsul Nor Azlan Mohamad – Pengarah, Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA) 2. Prof. Madya Dr. Zainuddin Ibrahim – Ketua, Pembangunan Penyampaian dan Pembelajaran (CIDL) 3. Dr. Prasanna Ramakrishnan – Pengurus Bahagian Perkhidmatan Teknologi Maklumat, Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (ICEPS)	03 Mei 2023
3	Assessment of Student Learning	1. Prof. Madya Ts. Dr. Suriyani Ariffin - Pengarah Pembangunan Akademik, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) 2. Prof. Madya Ts. Dr. Syamsul Nor Azlan Mohamad – Pengarah, Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA)	10 Mei 2023
4	Programme Monitoring, Review & CQI	1. Prof. Ts. Dr. Wardah Tahir – Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Kurikulum (UHEK) 2. Prof. Madya Ts. Dr. Suriyani Ariffin - Pengarah Pembangunan Akademik, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) 3. Prof. Madya Ts. Dr. Syamsul Nor Azlan Mohamad – Pengarah, Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA) 4. Prof Madya Dr. Kamarularifin Abd Jalil - Pengarah Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA), InQKA	24 Mei 2023



8.0 LATIHAN YANG DIHADIRI OLEH KAKITANGAN UNIT JAMINAN KUALITI AKADEMIK (AQA) BERMULA BULAN JANUARI HINGGA JUN 2023

Bil.	Nama Latihan	Penganjur	Pegawai Yang Hadir
1.	<i>Certified Officer in Quality Assurance of Higher Education Training Programme Tier 3: External Quality Assurance at Regional Level (Session 1/2023)</i>	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	Prof. Madya Dr. Kamarularifin Abd Jalil
2.	<i>Certified Officer in Quality Assurance of Higher Education Training Programme Tier 3: External Quality Assurance at Regional Level (Session 1/2023)</i>	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Husna Zainol Abidin
3.	<i>Certified Officer in Quality Assurance of Higher Education Training Programme Tier 3: External Quality Assurance at Regional Level (Session 1/2023)</i>	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	Ts. Linda Abd Hamid

9.0 PENUTUP

Secara keseluruhannya, Unit Jaminan Kualiti Dalam (IQA), Institut Kualiti dan Perkembangan Ilmu (InQKA) yang telah ditubuhkan bermula Februari 2017 yang kini dikenali sebagai Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA) berfungsi menilai, mengurus dan menyelia penilaian akreditasi program, menjalankan audit lokasi program, menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP), menguruskan penghantaran dokumen dan penyenggaraan program Deemed, Baharu dan Badan Profesional di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) dan Portal Akreditasi Sementara (PSA) serta menguruskan penerimaan sijil akreditasi program. Unit AQA turut menilai dan mengurus keabsahan program yang akan ditawarkan oleh UiTM di luar negara. Bagi memastikan setiap Fakulti/Kampus/Kolej Pengajian sentiasa peka tentang akreditasi program, Unit AQA juga menganjurkan bengkel untuk tujuan latihan dan pendedahan kepada staf dalam UiTM. Di samping itu, staf unit AQA juga sentiasa dihantar untuk menghadiri latihan terutamanya kursus yang dianjurkan oleh pihak MQA bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan. Selain itu, segala urusan kewangan berkaitan dengan penilaian dan penyenggaraan akademik di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) dan Portal Swaakreditasi (PSA) juga diselia oleh unit AQA.







UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Kualiti dan
Pengembangan
Ilmu

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
40450, Shah Alam, Selangor

Tel: +603 5543 5702

Fax: +603 5543 5721

 @inqkautm

